



GARIS PANDUAN INISIATIF RESEARCHER-INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE (RISE)

KAEDAH PELAKSANAAN



Tarikh kemaskini: 1 Januari 2022

SENARAI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka surat
1.	MAKLUMAT UMUM	1
2.	PERMOHONAN	4
3.	PENILAIAN	5
4.	KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN	5
5.	PEMANTAUAN	6
6.	PERANAN	7

Lampiran A – Huraian Kaedah Pelaksanaan

Lampiran B – Cadangan Terma dan Syarat Perkhidmatan

1. MAKLUMAT UMUM

1.1 Tujuan

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan RISE kepada pihak-pihak berkepentingan

1.2 Takrifan

1.2.1 Bagi tujuan Garis Panduan ini,

“khidmat kepakaran” bermaksud perkhidmatan dalam bentuk latihan, konsultasi, penyelidikan atau pemindahan teknologi yang diberikan oleh pakar.

“penyedia kepakaran” bermaksud sesebuah organisasi yang bertanggungjawab menyelia prestasi dan emolumen pakar.

“pakar” bermaksud pegawai yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

“organisasi” bermaksud kementerian, jabatan, institusi penyelidikan, universiti dan agensi.

“emolumen” bermaksud segala saraan seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling atau dasar semasa syarikat/institusi penyedia kepakaran yang berkuatkuasa.

“elaun” bermaksud elaun-elaun yang diberikan oleh penerima khidmat kepakaran tertakluk kepada pekeliling atau dasar semasa syarikat/institusi penyedia kepakaran yang berkuatkuasa.

1.3 Latar Belakang

Salah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu industri telah diumumkan pada 2 November 2018, dalam pembentangan Belanjawan 2019 di bawah Fokus Ketiga: Memupuk Budaya Negara Keusahawanan di bawah Strategi 9: Mencetuskan Kuasa Ekonomi Baharu. Kerajaan akan memperkenalkan program pemetaan penyelidik di mana kos penempatan akan dibiayai oleh Kerajaan sebagai salah satu langkah bagi melonjakkan Industri 4.0. Sasaran awal ditetapkan sekurang-kurangnya 100 orang penyelidik ditempatkan di sektor swasta.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengambil inisiatif menyediakan platform bagi perkongsian kepakaran secara percuma kepada pihak yang memerlukan bantuan.

Platform yang boleh dicapai secara dalam talian ini dikenali sebagai Researcher-Industry Scientific Exchange (**RISE**).

1.4 Objektif

Objektif program RISE adalah bagi:

- i. Membantu industri dan organisasi mengadaptasi dan menggunakan teknologi terkini;
- ii. Memanfaatkan kepakaran pegawai bagi menyelesaikan masalah di industri dan organisasi yang memerlukan;
- iii. Meningkatkan keupayaan inovasi dan produktiviti melalui penambahbaikan sistem dan proses; dan
- iv. Membangunkan kapasiti pegawai melalui pendedahan kepada keperluan sebenar di industri dan organisasi.

1.3 Kumpulan Sasar

Program RISE dibuka kepada semua perniagaan, organisasi awam dan swasta serta persatuan yang berdaftar di Malaysia

1.4 Skop

Skop penempatan khidmat kepakaran di organisasi pemohon tertakluk kepada:

- i. Penyelesaian masalah**

Bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam proses kerja seharian atau menambah baik produk dan perkhidmatan sedia ada.

- ii. Berasaskan projek**

Bagi menyertai pasukan projek bagi membangunkan produk atau perkhidmatan baharu.

1.5 Kaedah Perkongsian

Program RISE menawarkan empat (4) kaedah perkongsian khidmat kepakaran, iaitu:

- i. Penyelidikan;
- ii. Konsultasi;

- iii. Pemindahan teknologi; dan
- iv. Latihan

1.6 Kaedah Pelaksanaan

Program RISE dirangka dengan tiga (3) kaedah pelaksanaan, iaitu:

- i. Penempatan sepenuh masa;
- ii. Penempatan tidak sepenuh masa; dan
- iii. Penempatan secara gabungan.

Huraian kaedah pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran A**

1.7 Tempoh Pelaksanaan

Penempatan khidmat kepakaran boleh dilaksanakan dalam tempoh maksimum satu (1) tahun. Sekiranya wujud keperluan, tempoh penempatan khidmat kepakaran boleh dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi tertakluk kepada kelulusan pihak yang menyediakan khidmat kepakaran tersebut.

1.8 Pembiayaan

- i. Bagi program RISE ini, Kerajaan tidak menyediakan dana pembiayaan khusus bagi melaksanakan penyelesaian masalah.
- ii. Khidmat kepakaran yang ditawarkan melalui RISE kepada pemohon adalah secara percuma, walau bagaimanapun industri/organisasi pemohon masih perlu menanggung kos lain yang terlibat seperti tuntutan perjalanan dan kos bahan dalam kerjasama tersebut.
- iii. Industri/organisasi pemohon masih boleh memohon bantuan atau inisiatif lain bagi menampung kos-kos lain dalam projek.

1.9 Tadbir Urus

Pelaksanaan RISE dikawal selia oleh dua (2) jawatankuasa, iaitu:

- i. Jawatankuasa Pemandu RISE
Jawatankuasa Pemandu RISE merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat Kementerian yang berperanan membincangkan hala tuju inisiatif RISE dan menetapkan perkara-perkara dasar yang perlu dilaksanakan dalam menambahbaik inisiatif ini.

- ii. Jawatankuasa Teknikal
Jawatankuasa Teknikal RISE adalah jawatankuasa di peringkat pihak penyedia kepakaran yang bertanggungjawab menilai dan mempertimbangkan permohonan.

1.10 Urus setia

Unit RISE

Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Aras 5, Blok C5, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62662 PUTRAJAYA

No. Tel: 03-8885 8000

E-mel: helpdesk-rise@mosti.gov.my

2. PERMOHONAN

2.1 Syarat Kelayakan

Permohonan mendapatkan khidmat kepakaran RISE adalah dibuka sepanjang tahun kepada:

- i. Semua perniagaan yang berdaftar di Malaysia;
- ii. Semua organisasi awam dan swasta yang berdaftar di Malaysia; dan
- iii. Semua persatuan/pertubuhan yang berdaftar di Malaysia

Pemohon hendaklah mendaftarkan permohonan secara dalam talian melalui www.rise.mosti.gov.my.

2.2 Kriteria pertimbangan

Kriteria asas pertimbangan adalah seperti berikut:

- i. Borang permohonan yang dikemukakan lengkap;
- ii. Permasalahan dan keperluan kepakaran dikemukakan dengan jelas;
- iii. Tempoh penempatan yang diperlukan tidak melebihi dua (2) tahun; dan
- iv. Ketersediaan pakar yang berupaya menyediakan khidmat kepakaran

3. PENILAIAN

3.1 Tapisan Awal

3.1.1 Pada peringkat ini, setiap permohonan yang dikemukakan akan disemak selaras dengan syarat di Perkara 2.

3.1.2 Permohonan yang memenuhi syarat akan diangkat untuk penilaian Jawatankuasa Teknikal.

3.2 Penilaian Teknikal

3.2.1 Pada peringkat ini, permohonan yang melepasi tapisan awal boleh dipelawa untuk membentangkan permohonan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal sekiranya perlu.

3.2.2 Penilaian akan dibuat berdasarkan dan tidak terhad kepada kriteria berikut:

- i. Kesesuaian masalah;
- ii. Ketersediaan kepakaran dan fasiliti;
- iii. Kos yang terlibat;
- iv. Jangkaan tempoh masa penyelesaian; dan
- v. Impak kepada industri dan negara.

4. KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN

4.1 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh empat belas (14) hari selepas Jawatankuasa Teknikal di pihak penyedia kepakaran bersidang.

4.2 Rundingan Terma dan Syarat Penempatan

4.2.1 Rundingan mengenai terma dan syarat penempatan boleh dilakukan selepas permohonan penempatan diluluskan bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak dilindungi.

4.2.2 Rundingan terma dan syarat ini mengambil kira dan tidak terhad kepada peranan, skop kerjasama, jadual perbatuan, objektif yang akan dicapai, keperluan fasiliti, hakcipta, keuntungan (sekiranya ada) serta perkara-perkara mengenai perkhidmatan, kemudahan, cuti dan elaun pegawai. Cadangan terma dan syarat perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran B**.

4.3 Surat Tawaran

- 4.3.1 Organisasi penyedia kepakaran akan mengeluarkan surat tawaran kepada industri/organisasi pemohon beserta terma dan syarat yang telah dipersetujui.
- 4.3.2 Industri/organisasi pemohon perlu mengembalikan Surat Setuju Terima kepada organisasi penyedia kepakaran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tawaran sebagai persetujuan menerima penempatan khidmat kepakaran.
- 4.3.3 Pemakluman rasmi oleh organisasi penyedia kepakaran kepada industri/organisasi pemohon bagi Perkara 4 hendaklah mengandungi dan tidak terhad kepada:
 - i. Bilangan dan nama pegawai yang akan ditempatkan;
 - ii. Jadual perbatuan kerjasama;
 - iii. Tarikh mula dan tamat penempatan; dan
 - iv. Kaedah penempatan.

5. PEMANTAUAN

5.1 Pemantauan Penempatan

- 5.1.1 Bagi memastikan objektif inisiatif RISE dicapai dan memberikan manfaat yang dihasratkan, pemantauan dilaksanakan secara berterusan.
- 5.1.2 Pemantauan akan dilaksanakan berdasarkan kepada jadual perbatuan dan objektif yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua belah pihak sebelum penempatan dibuat.
- 5.1.3 Di samping itu, pelaporan secara berkala juga hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia menggunakan templat pelaporan yang disediakan.
- 5.1.4 Urus setia RISE juga boleh melakukan penaziran bagi memastikan pelaburan Kerajaan dalam inisiatif RISE mencapai objektif yang digariskan.
- 5.1.5 Segala dapatan melalui pemantauan ini akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu RISE untuk makluman atau pertimbangan jika diperlukan.

6. PERANAN

6.1 Peranan dan Tanggungjawab Penerima Khidmat Kepakaran

- 6.1.1 Memberikan maklumbalas berhubung tawaran dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh penyedia kepakaran.
- 6.1.2 Mengemukakan maklumbalas kemajuan.
- 6.1.3 Memberikan komitmen pembayaran tuntutan elaun sebagaimana yang dipersetujui dalam setuju terima tawaran.
- 6.1.4 Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk memberi akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada pakar.
- 6.1.5 Menerima lawatan pemantauan dari pihak urus setia bagi projek.
- 6.1.6 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada pakar.

6.2 Peranan dan Tanggungjawab Pakar

- 6.2.1 Memberikan maklumbalas berhubung tawaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 6.2.2 Memberikan komitmen untuk menyempurnakan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.2.3 Memberi maklumat kemajuan projek kepada rakan kerjasama industri (jika berkaitan).
- 6.2.4 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada pihak penerima khidmat kepakaran.
- 6.2.5 Memastikan industri/organisasi penerima khidmat kepakaran turut memberikan komitmen sewajarnya dalam pelaksanaan projek sebagaimana terma dan syarat yang dipersetujui.

6.3 Peranan dan Tanggungjawab Penyedia Kepakaran

- 6.3.1 Membantu urus setia RISE MOSTI mempromosi dan mendapatkan penyertaan industri yang mempunyai permasalahan.
- 6.3.2 Menyediakan senarai pakar dan kepakaran yang berkaitan bagi tujuan penempatan.
- 6.3.3 Memastikan urusan perkhidmatan pakar diurus sewajarnya sepanjang tempoh penempatan.

6.4 Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia

- 6.4.1 Memastikan pakar memenuhi syarat kelayakan dan kepakaran.
- 6.4.1 Melaksanakan pemantauan bagi memastikan penempatan mengikut terma, syarat, skop dan jadual perbatuan yang ditetapkan.
- 6.4.2 Mengesahkan laporan kemajuan projek dan laporan akhir projek.

- 6.4.3 Mengurus isu-isu berbangkit berkaitan penempatan khidmat kepakaran untuk makluman ketua organisasi penyedia kepakaran.
- 6.4.4 Memastikan pihak penerima khidmat kepakaran turut memberikan komitmen sewajarnya dalam pelaksanaan projek sebagaimana terma dan syarat yang dipersetujui.

----- TAMAT -----

HURAIAN BAGI KAEDAH PELAKSANAAN INISIATIF RISE

1. Penempatan Sepenuh Masa

- a. Mekanisme penempatan secara sepenuh masa membolehkan pakar dari organisasi penyedia kepakaran ditempatkan secara sepenuh masa di industri/organisasi pemohon bagi tempoh maksimum satu (1) tahun.
- b. Tempoh penempatan pakar boleh dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi sekiranya wujud keperluan.
- c. Kos emolumen pakar akan ditanggung oleh organisasi penyedia kepakaran.

2. Penempatan Tidak Sepenuh Masa

- a. Mekanisme penempatan secara tidak sepenuh masa membolehkan pakar dari organisasi penyedia kepakaran ditempatkan secara tidak sepenuh masa di industri/organisasi pemohon bagi tempoh kerjasama maksimum satu (1) tahun.
- b. Tempoh penempatan pakar boleh dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi sekiranya wujud keperluan.
- c. Kos emolumen pakar akan ditanggung oleh organisasi penyedia kepakaran.
- d. Pakar yang terlibat masih bertugas secara sepenuh masa di organisasi masing-masing, namun dalam masa yang sama membantu industri/organisasi pemohon yang telah ditetapkan.

3. Penempatan Gabungan Sepenuh Masa dan Tidak Sepenuh Masa

- a. Mekanisme penempatan secara gabungan membolehkan pakar dari organisasi penyedia kepakaran ditempatkan secara tidak sepenuh masa dan sepenuh masa di industri/organisasi pemohon bagi tempoh kerjasama maksimum satu (1) tahun.
- b. Penempatan ini adalah lebih anjal di mana mekanisme pelaksanaan boleh dibuat secara gabungan sepenuh masa atau tidak sepenuh masa.
- c. Tempoh penempatan pakar boleh dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi sekiranya wujud keperluan.
- d. Sebagai contoh, seseorang pakar boleh ditempatkan secara sepenuh masa selama tiga (3) bulan pada fasa pertama kerjasama diikuti dengan penempatan secara tidak sepenuh masa semasa fasa kedua sehingga tamat kerjasama.

1. KAEDAH PELAKSANAAN INISIATIF RISE

KOMPONEN	SEPENUH MASA	TIDAK SEPENUH MASA	GABUNGAN
Tempoh	Maksimum satu (1) tahun dan dibenarkan untuk pelanjutan tempoh sehingga satu (1) tahun lagi.		
Kaedah	Berdasarkan PP 5/2011 : Program Penempatan Silang	Tugas Luar Pejabat	Berdasarkan PP 5/2011 : Program Penempatan Silang Dan Tugas Luar Pejabat
Kaedah penyelesaian	Penyelidikan, konsultasi, pemindahan teknologi dan/atau latihan		

2. CADANGAN TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN

KOMPONEN	SEPENUH MASA	TIDAK SEPENUH MASA	GABUNGAN
Mekanisme Penempatan	Sepenuh masa penempatan di industri/organisasi penerima khidmat kepakaran.	Tidak sepenuh masa.	Sepenuh masa dan tidak sepenuh masa
Gaji	Dibayar oleh organisasi penyedia kepakaran		
Imbuhan Tetap	Dibayar oleh organisasi penyedia kepakaran		
Elaun dan Bayaran Insentif	Layak dibayar oleh organisasi penyedia kepakaran berdasarkan pekeliling atau dasar semasa organisasi penyedia kepakaran yang berkuatkuasa.		
Elaun	Industri/organisasi penerima khidmat kepakaran boleh memberi elaun berdasarkan pekeliling atau dasar semasa yang berkuatkuasa pada kadar yang dipersetujui sebelum penempatan.		
Tuntutan Perjalanan	Tuntutan perjalanan dibayar oleh industri/organisasi	Tuntutan perjalanan dibayar oleh organisasi penyedia kepakaran atau penerima khidmat kepakaran bergantung kepada tugas.	

	penerima khidmat kepakaran.		
Cuti	Kelayakan cuti tidak berubah. Pentadbiran dan kelulusan oleh industri/organisasi penerima khidmat kepakaran kecuali yang memerlukan kelulusan Ketua Jabatan	Kelayakan cuti tidak berubah. Pentadbiran dan kelulusan oleh organisasi penyedia kepakaran.	
Kemudahan Kediaman	Layak terus menduduki kuarters. Pihak penerima khidmat kepakaran boleh menawarkan kemudahan kediaman sekiranya ada.		
Kemudahan Perubatan	Layak terima kemudahan perubatan Kerajaan/sedia ada berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Pihak penerima khidmat kepakaran boleh mempertimbangkan kemudahan perubatan di klinik/hospital panel.	Layak terima kemudahan perubatan Kerajaan/sedia ada berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.	Layak terima kemudahan perubatan Kerajaan/sedia ada berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Pihak penerima khidmat kepakaran boleh mempertimbangkan kemudahan perubatan di klinik/hospital panel.
Kemudahan Lain	Pakar layak memohon kemudahan seperti pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer berdasarkan kelayakan yang ditetapkan oleh organisasi penyedia kepakaran.		
Bantuan Khas Kewangan/ Imbuhan Tahunan/ Bayaran Khas Prestasi/ Bonus	Pakar layak dipertimbangkan untuk menerima BKK/IT/BKP Bonus oleh organisasi penyedia kepakaran sekiranya ada. Pihak yang menerima khidmat kepakaran boleh mempertimbangkan bonus mengikut kadar yang ditetapkan.		

Waktu Bekerja	Tertakluk kepada waktu bekerja ditetapkan oleh pihak yang menerima khidmat kepakaran.	Tertakluk kepada waktu bekerja yang dipersetujui secara bersama antara organisasi penyedia kepakaran dan pihak yang menerima khidmat kepakaran.
Pematuhan Peraturan Dan Tatatertib	Tertakluk kepada peraturan organisasi penyedia kepakaran dan pihak yang menerima khidmat kepakaran.	
Kursus/ Latihan	<p>Pakar boleh diarah untuk menjalani latihan dengan kos ditanggung oleh pihak yang menerima khidmat kepakaran.</p> <p>Pihak yang menerima khidmat kepakaran boleh mempertimbangkan pelepasan untuk menjalani latihan/tugasan yang diarahkan oleh organisasi penyedia kepakaran yang terlibat.</p> <p>Permohonan kursus yang tidak diwajibkan oleh skim perkhidmatan adalah tidak dibenarkan.</p>	
Kenaikan Pangkat	Pakar boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat di perkhidmatan hakiki.	
Kekananan	Kekananan pakar tidak berubah.	
Perlindungan Bencana Kerja	<p>Pakar layak menuntut pampasan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi perkhidmatan awam persekutuan atau skim pampasan berkuat kuasa.</p> <p>Pihak yang menerima khidmat kepakaran boleh menyediakan polisi perlindungan insurans.</p>	
Pemendekan/ Penamatan Tempoh Penempatan	<p>Atas persetujuan bersama antara organisasi penyedia dan yang menerima khidmat kepakaran. Notis secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari dikemukakan kepada pakar oleh pihak yang menerima khidmat kepakaran.</p> <p>Dalam keadaan tertentu, kedua-dua pihak boleh memendekkan tempoh notis dan menamatkan penempatan serta merta.</p>	
Faedah Persaraan	Faedah persaraan atau faedah terbitan berdasarkan undang-undang/peraturan pencen yang berkuat kuasa.	